

05 NOV 1997

Ramli-Pokok

KERJASAMA KERAJAAN DAN SWASTA HAMPIRI SASARAN KEMPEN TANAM POKOK

IPOH, 5 Nov (Bernama) -- Kerjasama antara kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta sektor swasta dalam menyahut kempen menanam pokok memberikan hasil yang membanggakan.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, kempen menanam pokok mendapat sambutan bukan sahaja di kalangan jabatan serta agensi kerajaan, sektor swasta tetapi juga pertubuhan sukarela dan sekolah.

"Kerajaan negeri berbangga dengan prestasi semua pihak yang terlibat dalam usaha menanam pokok dan diharap semangat yang disemai menyahut kempen itu perlu diteruskan, katanya selepas mesyuarat Anggota Majlis Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan media hari ini yang memetik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh sebagai berkata beliau tidak berpuas hati dengan beberapa kerajaan negeri yang gagal menyahut kempen menanam pokok sejak dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Februari lepas.

Ramli berkata, usaha pelbagai pihak dalam menyahut kempen itu membolehkan kerajaan negeri mencapai 93 peratus daripada 90,000 sasaran pokok yang ditanam tahun ini.

Sebanyak 78,990 pokok telah ditanam di seluruh negeri sehingga September lalu dan beliau berkeyakinan baki sebanyak tujuh peratus itu akan dapat ditanam penghujung bulan depan.

Kempen berkenaan perlu diusahakan dengan lebih giat sebagai usaha bagi mengimbangi arus pembangunan serta menghidupkan kawasan terbabit, katanya.

Katanya, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa peringkat negeri dan peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi melancarkan serta mengawasi kempen dalam usaha memastikan kejayaannya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata Terengganu telah menanam pokok-pokok teduhan seperti dikehendaki oleh Kerajaan Tempatan.

Beliau berkata tanaman pokok tertumpu terutama di kawasan tepi pantai selain dibahu-bahu jalan dan juga taman-taman rekreasi.

Beliau berkata sebagai contoh, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah menanam lebih 2,000 pokok teduhan seperti pokok jati, kelapa, beruas, teja dan pokok ansana tahun ini.

"Pokok-pokok itu dapat lihat di sepanjang jalan lapangan terbang, jalan bukit besar dan kawasan masjid Tengku Intan Zaharah," katanya.

Menurut beliau kerajaan negeri juga sentiasa menghantar maklumat kepada Kerajaan Tempatan sebagaimana dikehendaki dari semasa ke semasa.

Wan Mokhtar berkata rancangan menanam pokok-pokok itu dijangka selesai dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Di MELAKA, pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Mo'min Abdul Aziz berkata keengganan sesetengah pemaaju perumahan memberi kerjasama merupakan punca utama pelaksanaan kempen itu di sini tidak berjalan lancar.

Beliau berkata walaupun ada segelintir pemaaju perumahan menyertai kempen itu tetapi ia dilakukan secara lepas tangan kerana pokok yang ditanam terbiar tanpa penjagaan.

Bagaimanapun, usaha sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menjayakan kempen berkenaan untuk mencapai sasaran penanaman sebanyak 750,000 pokok di seluruh negara dalam masa setahun.

Kerajaan negeri telah mencapai tahap 85 peratus program penanaman

pokoknya yang membabitkan kawasan bahu jalan, taman perumahan dan kawasan taman rekreasi.

Sementara itu di KANGAR, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata program "Sebuah rumah, sepohon durian" akan menjadikan Perlis sebagai antara pengeluar utama buah berkenaan menjelang abad ke-21.

Yayasan Pok dan Kassim (YPK) akan menjadi penyumbang ke arah menjayakan program itu dengan membekalkan benih-benih durian terutama dari jenis B39 secara percuma, kata Shahidan yang juga pengerusi YPK.

Di Kuantan, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob berkata Pahang telah menanam pokok melebihi sasaran yang ditetapkan.

Beliau berkata, di kawasan pihak berkuasa kerajaan tempatan Temerloh sebanyak 22,727 pokok ditanam dalam tempoh Januari hingga Oktober lepas, manakala di Maran (4,040), Raub (2,248), Bentong (630) dan Rompin (281).

Beliau berkata, dalam satu program di Kuantan baru-baru ini, sebanyak 8,300 batang pokok telah ditanam manakala bagi program Rakan Cinta Alam di Bandar Indera Mahkota dekat sini, sebanyak 3,800 pokok ditanam.

Khalil berkata Pahang melaksanakan usaha penanaman pokok tetapi cuma tidak mengemukakan setiap laporan mengenainya kepada Kementerian berkenaan.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Datuk Abdul Ghani Othman berkata Kerajaan Negeri telah menanam sebanyak 82,000 pokok sejak kempen menanam pokok dilancarkan dan yakin dapat mencapai sasaran menanam lebih 300,000 menjelang tahun 2000 di negeri ini.

Beliau berkata kempen menanam pokok di negeri ini berjalan mengikut jadual dan telah digerakkan ke setiap lapan daerah di seluruh negeri ini.

"Angka 82,000 itu, tidak termasuk penanaman pokok-pokok renek dan pokok bunga seperti pokok bunga kertas dan bunga raya di tempat awam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Katanya, kerajaan negeri melalui pihak majlis tempatan telah dipertanggungjawabkan untuk menanam pokok-pokok itu dan tugas itu turut dibantu oleh Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

Semalam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dilaporkan sebagai tidak berpuashati dengan pembabitan kerajaan negeri dalam kempen menanam pokokkan tiga juta pokok ditanam menjelang tahun 2000.

Abdul Ghani berkata, negeri Johor yang ditetapkan untuk menanam sebanyak 80,000 pokok setahun telahpun mencapai sasarannya iaitu telah menanam 82,000 pokok.

Di KOTA BAHARU, Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman berkata Kelantan bercadang untuk menanam pokok buah-buahan secara meluas di seluruh negeri itu bagi menjayakan kempen menanam pokok.

Menurutnya Kelantan belum melaksanakan kempen menanam pokok di negeri itu walaupun ia telah dilancarkan kerana panduan untuk diterima pakai daripada Jabatan Lanskap Negara hanya diperolehi awal minggu ini.

Halim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Sains dan Teknologi berkata cadangan menanam pokok buah-buahan perlu dirujuk kepada panduan Jabatan Lanskap bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan arahan pusat.

Beliau juga berkata kempen menanam pokok peringkat negeri akan dilancarkan tidak lama lagi.

-- BERNAMA

RZS IB FAZ